

11 MAR 2000

Umno-Wanita (Pendang)

WANITA PENDANG SEBULAT SUARA CALON SITI ZAHARAH

PENDANG, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini menerima pencalonan sebulat suara daripada Pergerakan Wanita Umno bahagian Pendang untuk bertanding mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Wanita Umno dalam pemilihan parti Mei ini.

Dalam mesyuarat perwakilan pergerakan itu di sini, mereka juga mencalonkan Ainin Khariyah Datuk Mohd Abas sebagai calon untuk jawatan Naib Ketua Wanita Umno.

Pencalonan untuk semua jawatan termasuk calon 20 anggota Exco Wanita Umno dicadangkan oleh Naib Ketua Wanita Umno bahagian Pendang Wan Zainab Wan Mahmud.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap Tan Aishah Ghani dipilih sebagai calon dan Timbalan Pengerusi Tetapnya ialah Syarifah Aminah Syed Mohamad.

Ketua Wanita Umno bahagian Pendang, Fatimah Ismail juga merupakan Ketua Pergerakan Wanita Umno Kedah, tidak dicalonkan untuk sebarang jawatan oleh wanita bahagiannya.

Setakat ini, tiga bahagian wanita, Sik, Kuala Kedah dan Padang Terap telah mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz, manakala Alor Setar dan Pendang mencalonkan Siti Zaharah untuk jawatan Ketua Wanita Umno.

Senarai 20 anggota Exco Wanita Umno yang dicalonkan oleh perwakilan wanita Umno Pendang ialah:

- * Datuk Maznah Hamid;
- * Zainab Abdul Rahman;
- * Rokiah Zainudin;
- * Mastika Junaidah Husin;
- * Kamilia Ibrahim;
- * Faizah Abu Kassim;
- * Rokiah Bee Hashim;
- * Sharifah Aminah Syed Abdul Rahman;
- * Norhaila Jamaluddin;
- * Dr Noridah Ibrahim;
- * Latipah Omar;
- * Datuk Norjan Khan Bahador;
- * Zaleha Hussin;
- * Suranie Ahmad;
- * Zaleha Long;
- * Melati Ali;
- * Hamizah Awang;
- * Datuk Sabariah Ahmad;
- * Syarifah Rohaida Syed Zain dan
- * Fauziah Hamid.

Mesyuarat perwakilan itu dirasmikan oleh Ketua Umno Bahagian Pendang Datuk Othman Abdul.

Beliau berkata Umno bahagian Pendang tetap akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

-- BERNAMA

MN/jm RI